



SOALAN-SOALAN LAZIM

PENGECUALIAN KOMPAUN BAGI KEGAGALAN SERAH SIMPAN DOKUMEN BERKANUN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 UNTUK TEMPOH SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan pengecualian kompaun bagi kegagalan serah simpan dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 untuk tempoh sehingga 31 Disember 2020?	<p>Tiada kompaun yang akan ditawarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) kepada pihak syarikat bagi kegagalan membuat serah simpan dokumen berkanun mengikut tempoh masa yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016 untuk tempoh sehingga 31 Disember 2020.</p> <p>Contoh: Tarikh akhir yang sepatutnya untuk syarikat ABC Sdn Bhd membuat serah simpan Penyata Tahunan (PT) bagi tahun takwim 2020 adalah pada 15/11/2020. Sekiranya PT gagal diserahkan kepada SSM pada 15/11/2020, syarikat tidak akan ditawarkan kompaun pada tarikh tersebut. Kompaun hanya akan ditawarkan sekiranya syarikat masih gagal untuk membuat serah simpan PT yang berkenaan pada 31/12/2020.</p>
2.	Bilakah tarikh mula berkuatkuasa pengecualian kompaun bagi kegagalan serah simpan dokumen berkanun ini?	Tarikh mula kuatkuasa adalah pada 9 November 2020 hingga 31 Disember 2020.
3.	Apakah jenis-jenis kesalahan yang layak mendapat pengecualian kompaun?	Kesalahan yang layak mendapat pengecualian kompaun adalah bagi kegagalan <u>SERAH SIMPAN DOKUMEN BERKANUN UNTUK TAHUN TAKWIM 2020 SAHAJA.</u>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Apakah jenis-jenis kesalahan yang tidak layak mendapat pengecualian kompaun?	<p>Kesalahan yang tidak layak mendapat pengecualian kompaun adalah:</p> <p>(i) Kegagalan serah simpan dokumen berkanun bagi tahun takwim 2019 serta tahun-tahun sebelumnya kecuali serah simpan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 1/9/2019 hingga 31/3/2020 yang tertakluk kepada Practice Directive No. 6/2020 yang dikeluarkan oleh SSM pada 22/10/2020.</p> <p>(ii) Kesalahan yang bukan berkaitan serahsimpan dokumen berkanun</p>
5.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya syarikat telah ditawarkan kompaun bagi kegagalan serah simpan dokumen berkanun untuk tahun takwim 2020?	<p>(i) Hanya kompaun yang ditawarkan bermula 14/10/2020 dan masih belum dibayar akan dibatalkan sekiranya syarikat membuat serah simpan dokumen berkanun yang berkenaan sebelum atau pada 31/12/2020.</p> <p>(ii) Tiada pemulangan semula (refund) bagi kompaun yang telah dibayar.</p>
6.	Adakah surat rayuan diperlukan untuk syarikat membuat rayuan pembatalan kompaun setelah membuat serah simpan dokumen berkanun yang berkenaan sebelum atau pada 31/12/2020?	<p>Tidak. Pihak syarikat hanya perlu memaklumkan kepada SSM melalui cara berikut:</p> <p>(i) Emel kepada ar_compliance@ssm.com.my; atau</p> <p>(ii) Hadir ke mana-mana pejabat SSM seluruh Malaysia yang berdekatan.</p>

Tarikh: 9 November 2020